



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**21 November 2023
07 Jamadilawal 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• MTL: Bekalan ikan mencukupi
Kosmo !	• Simpan ikan sejuk beku hadapi musim tengkujuh
Sinar Harian	• Monsun Timur Laut: DOF jamin bekalan ikan mencukupi
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	• North East Monsoon: Fisheries Dept Assure Of Ample Fish Supply
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		14
								21-11-2023

Simpan ikan sejuk beku hadapi musim tengkujuh

BACHOK – Kedatangan Mon-sun Timur Laut yang bermula pada pertengahan bulan ini mendorong nelayan menyimpan stok ikan dalam peti sejuk beku bagi memastikan bekalan tersebut mencukupi sepanjang musim tengkujuh.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Bachok, Saripudin Ishak berkata, langkah itu juga bertujuan untuk menstabilkan harga barang basah tersebut sehingga berakhirnya monsun pada Mac tahun depan.

Menurutnya, bekalan ikan rakyat khususnya ikan selang masih banyak di pasaran ketika ini meskipun nelayan sudah tidak turun ke laut sejak hampir seminggu lalu.

“Ombak besar dan laut bergelora menyebabkan lebih 1,000 nelayan di Bachok tidak dapat ke laut.

“Jadi kami buat perancangan awal bagi memastikan bekalan ikan tidak terputus dengan menyimpan stok sejuk beku,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Saripudin yang juga Ahli

Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Kebangsaan memberitahu, harga ikan selang masih stabil ketika ini dan ada peraih yang menjualnya RM10 bagi tiga kilogram.

“Kami dan nelayan setempat bukan hanya memasarkan ikan kepada pembeli di daerah ini, malah diedarkan ke seluruh Kelantan untuk dijadikan stok menghadapi musim tengkujuh,” ujarinya.

PNK Bachok juga mengambil inisiatif untuk tidak membenarkan nelayan kecil turun ke laut berikutan angin kencang dan laut bergelora yang berbahaya kepada keselamatan mereka.

“Kami hanya bergantung dengan Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM300 sebulan sepanjang musim tengkujuh ini,” katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memaklumkan sebanyak 90 tan metrik bekalan ikan sejuk beku disimpan dalam bilik sejuk beku LKIM tidak termasuk 1,600 tan metrik simpanan pihak swasta.

Monsun Timur Laut: DOF jamin bekalan ikan mencukupi



KUALA LUMPUR - **[DIKEMAS KINI]** Jabatan Perikanan Malaysia memberi jaminan bekalan ikan mencukupi sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) menerusi pendaratan sumber itu di Pantai Barat Semenanjung.

Jabatan itu dalam kenyataan malam ini memaklumkan kepelbagaian jenis ikan menerusi pendaratan di semua kawasan negara dapat menampung keperluan rakyat walaupun berlaku peralihan MTL di Pantai Timur.

"Melalui statistik tren pendaratan ikan di Pantai Barat, pengeluaran antara bulan November 2022 hingga Mac 2023 terbukti dapat menampung keperluan keterjaminan stok ikan rakyat di Malaysia," menurut kenyataan itu.

"Spesies ikan kembung merupakan jenis stok ikan rakyat yang terdapat di Malaysia. Berdasarkan data perangkaan Jabatan Perikanan, pendaratan ikan kembung pada 2021 adalah sebanyak 40,959.95 tan metrik dengan nilai RM421 juta, 2022 sebanyak 39,146.95 tan metrik dengan nilai RM458 juta manakala bagi tahun 2023 (Januari hingga September) mencatatkan 33,102 tan metrik dengan nilai RM410 juta.

"Jumlah pendaratan ikan kembung bagi Pantai Barat Semenanjung sebanyak 22,765 tan metrik manakala di Pantai Timur sebanyak 9,637 tan metrik," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Hussain dalam kenyataan sama berkata pihaknya telah menjalankan kajian dan mempunyai maklumat lengkap mengenai cadangan musim tertutup bagi ikan kembung dan pelaling di Pantai Barat.

"Berdasarkan kajian pentaksiran sumber yang dijalankan oleh jabatan, stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukat nelayan mulai April depan yang mana ini berkait dengan migrasi ikan kembung ke perairan negara," katanya.

Menurut kenyataan itu perubahan cuaca MTL memainkan peranan penting dalam mempengaruhi migrasi ikan kembung dan pembiakan spesies itu secara semula jadi. - Bernama

- SINAR HARIAN -

NORTH EAST MONSOON: FISHERIES DEPT ASSURES OF AMPLE FISH SUPPLY



21/11/2023 12:25 AM

KUALA LUMPUR, Nov 20 (Bernama) – The Fisheries Department has given its assurance that there is adequate fish supply throughout the North East Monsoon period through landings on the west coast of the peninsula.

The department said that existing supply could support the current demand even with the East Coast being affected by the monsoon.

“According to west coast fish landing statistics, production between November 2022 and March 2023 proved adequate to ensure Malaysia’s fish stocks.

“The kembung fish (Indian mackerel) species, which is the main fish consumed by Malaysians, is readily available in the country.

Based on department statistics, kembung fish landings in 2021 were at 40,959.95 metric tons valued at RM 421 million, 39,146.95 metric tons valued at RM458 million for 2022 and for January to September 2023, 33,102 metric tons valued at RM410 million, with landings of 22,765 metric tons on the west coast and 9,637 metric tons on the east coast of the peninsula,” the department said in a statement today.

Meanwhile, Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain said the department has conducted studies and had complete information on a closed season for kembung fish in the west coast of Peninsular Malaysia.

- BERNAMA -

MTL: Bekalan ikan mencukupi



Kuala Lumpur: Jabatan Perikanan Malaysia memberi jaminan bekalan ikan mencukupi sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) menerusi pendaratan sumber itu di Pantai Barat Semenanjung.

Jabatan itu dalam kenyataan malam ini memaklumkan kepelbagaian jenis ikan menerusi pendaratan di semua kawasan negara dapat menampung keperluan rakyat walaupun berlaku peralihan MTL di Pantai Timur.

"Melalui statistik trend pendaratan ikan di Pantai Barat, pengeluaran antara bulan November 2022 hingga Mac 2023 terbukti dapat menampung keperluan keterjaminan stok ikan rakyat di Malaysia.

"Spesies ikan kembung merupakan jenis stok ikan rakyat yang terdapat di Malaysia," menurut kenyataan itu. Berdasarkan data perangkaan Jabatan Perikanan, pendaratan ikan kembung pada 2021 adalah sebanyak 40,959.95 tan metrik dengan nilai RM421 juta, 2022 sebanyak 39,146.95 tan metrik dengan nilai RM458 juta manakala bagi tahun 2023 (Januari hingga September) mencatatkan 33,102 tan metrik dengan nilai RM410 juta.

"Jumlah pendaratan ikan kembung bagi Pantai Barat Semenanjung sebanyak 22,765 tan metrik manakala di Pantai Timur sebanyak 9,637 tan metrik," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Datuk Adnan Hussain dalam kenyataan sama berkata pihaknya telah menjalankan kajian dan mempunyai maklumat lengkap mengenai cadangan musim tertutup bagi ikan kembung dan pelaling di Pantai Barat.

"Berdasarkan kajian pentaksiran sumber yang dijalankan oleh jabatan, stok ikan kembung akan mula tertangkap oleh pukot nelayan mulai April depan yang mana ini berkait dengan migrasi ikan kembung ke perairan negara," katanya.

Menurut kenyataan itu perubahan cuaca MTL memainkan peranan penting dalam mempengaruhi migrasi ikan kembung dan pembiakan spesies itu secara semula jadi.